

Sejarah bunga emas dan kedatangan Islam ke Kedah: kajian perbandingan terhadap tarikh salasilah negeri Kedah dan Hikayat Merong Mahawangsa

ABSTRACT

Sumber memainkan peranan yang amat signifikan dalam menilai keobjektifan sesebuah peristiwa sejarah. Walau bagaimanapun ada peristiwa yang mempunyai garapan berbeza dalam sesebuah sumber meskipun sumber tersebut merupakan sumber yang terutama. Makalah ini bertujuan menganalisis dua sumber utama dalam Historiografi Negeri Kedah, iaitu At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah dan Hikayat Merong Mahawangsa dengan memfokuskan kajian kepada dua peristiwa yang terpilih iaitu Sejarah Bunga Emas dan kedatangan Islam di Kedah. Metodologi kajian yang digunakan dalam makalah ini ialah analisis tekstual dan kajian kepustakaan. Ia didahului dengan perbincangan secara sepintas lalu berkenaan kajian-kajian lepas, metodologi kajian dan latar belakang kedua-dua buah naskhah. Seterusnya, perbincangan difokuskan kepada dua peristiwa terpilih, iaitu berkenaan dengan Sejarah Bunga Emas dan kedatangan serta aktiviti perkembangan ajaran Islam di negeri Kedah. Kajian ini dapat mengetengahkan sumber yang lebih berautoriti dalam kajian Historiografi Negeri Kedah.